

Sinar Harian 2/12/2019

## **APMM tahan bot langgar syarat lesen** M/S 34

**GEORGETOWN** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C selepas didapati melanggar syarat lesen dengan menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, penahanan tersebut dilakukan menerusi Op Pertiwi pada kedudukan 13.2 batu nautika dari Barat Daya Pulau Kendi pada jam 3.35 petang kelmarin.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati empat lelaki warga Thailand iaitu tekong berusia 44 tahun dan tiga awak-awak berusia antara 24 hingga 49 tahun berada di atas bot.

"Turut ditemui dua gulung pukat tunda, dua

papan tunda, ikan baja seberat 1,800 kilogram (kg) dan ikan campur seberat 500 kg.

"Kesemua nelayan yang ditahan dan barangan yang dirampas dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM Pulau Pinang untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini.

Hamizan berkata, kesemua mereka dipercayai melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

Orang awam diharap dapat melaporkan sebarang kejadian mencurigakan, kecemasan atau kemalangan di laut melalui talian kecemasan 24 jam iaitu MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian 04-2626146/04-2643650.



**Bot nelayan tempatan yang ditahan kerana didapati melanggar kawasan tangkapan ikan kelmarin.**